



KEMELUT BERTURUT

Kemelut dalam NexG terus berlarutan dan semakin kompleks. Namun dalam semua perkembangan ini, pemegang saham minoriti kekal menjadi pihak yang paling terkesan.

KRISIS TADBIR URUS KORPORAT NEXG: PEMEGANG SAHAM MINORITI MENANGGUNG AKIBATNYA

NexG Berhad, penyedia penyelesaian ICT berasaskan keselamatan (dahulunya dikenali sebagai Datasonic Group Berhad), sejak kebelakangan ini sering menjadi perhatian tetapi bukan atas sebab pencapaian yang membanggakan. Daripada dakwaan “Mafia Korporat”, kepada kerugian pelaburan yang besar, sehinggalah perebutan kuasa dalam lembaga pengarah, yang memuncak sekitar Mac 2026.

Di sebalik segala drama korporat ini, terlihat satu perkara yang jelas — nilai syarikat semakin terhakis akibat ketidakpastian di peringkat kepimpinan, ditambah pula dengan pelaburan dalam aktiviti yang tidak selari dengan perniagaan teras syarikat. Realiti yang pahit terpaksa ditelan oleh para pemegang saham minoriti, kerana mereka menanggung kesan paling besar.

Pergolakan lembaga + isu perundangan

Tahun 2026 menyaksikan NexG terus dihujani pelbagai isu.

Pada 25 Februari 2026, syarikat mengejutkan pasaran apabila merekodkan kerugian nilai saksama sebanyak RM145.6 juta pada suku ketiga berakhir 31 Disember 2025 (tahun kewangan 2026). Amaun yang besar ini menyebabkan kerugian bersih sebanyak RM130.88 juta untuk suku tahun tersebut.

Tidak lama kemudian, pada 5 Mac, Pengerusi Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Abu Hanifah Noordin, telah digantung sementara bagi membolehkan siasatan dalaman dijalankan terhadap kerugian pelaburan yang besar.

Pada hari yang sama, beliau bersama-sama dengan Siti Nur Aishah Ishak dan Velocity Capital Sdn Bhd — yang secara kolektif memegang tidak kurang 10% daripada saham terbitan syarikat — mencadangkan supaya diadakan EGM pada 3 April 2026 bagi menyingkirkan tujuh pengarah dan melantik lapan calon baharu, termasuk Datuk Ishak Ismail, seorang ahli perniagaan yang muncul sebagai pemegang saham terbesar NexG pada 4 Mac, melalui pegangannya dalam Raya Aviation Holdings.

9 Mac: Situasi menjadi semakin tegang apabila Hanifah dan Siti Nur Aishah memfailkan Writ Saman dan Kenyataan Tuntutan terhadap syarikat dan lembaga pengarahnya. Namun, tidak lama selepas itu, tujuh pengarah syarikat meletak jawatan secara serentak dan saman tersebut ditarik balik.

Pada masa yang sama, Hanifah dilantik semula ke jawatannya. Lembaga baharu kemudiannya dibentuk, dengan Datuk Ishak sebagai Pengerusi Eksekutif dan Hanifah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif.

Dalam tempoh inilah timbulnya desas-desus mengenai “Mafia Korporat” yang menjadi bualan ramai. Pada 10 Mac, Hanifah mendakwa bahawa ada pihak tertentu (“Mafia Korporat”) yang cuba menyingkirkannya dan mengambil alih komponen kontrak kerajaan bernilai RM300 juta untuk disubkontrakkan kepada pesaing, HeiTech Padu Berhad.

Isu ini dengan pantas mencetuskan perhatian yang meluas, dengan pelbagai pihak dikaitkan dengan “Mafia Korporat” ini tetapi masing-masing menafikan penglibatan mereka.

Perubahan yang berterusan dalam komposisi lembaga NexG dikesan seawal Oktober 2025.

Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, timbalan pengerusi eksekutif ketika itu, meletakkan jawatan pada 14 Oktober 2025. Sehari kemudian, tiga pengarah, termasuk seorang pengarah eksekutif, melepaskan jawatan mereka daripada Syarikat.

Sebulan kemudian, lapan pengarah baharu menyertai Lembaga Pengarah pada November 2025. Hanifah kemudiannya mendakwa, beliau tidak jelas tentang “kepentingan siapakah yang diwakili oleh individu-individu ini?”.

Pelaburan yang dipersoalkan: strategi atau spekulatif?

Di tengah-tengah kemelut ini ialah kerugian besar yang berpunca daripada penurunan nilai pelaburan dalam saham syarikat tersenarai yang telah diiktiraf pada suku ketiga tahun kewangan 2026, yang melibatkan pelaburan NexG dalam MMAG Holdings Berhad dan NexG Bina Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Classita Holdings Berhad, sebuah syarikat pengeluar pakaian dalam wanita).

Pada Mac 2025, NexG telah melaburkan sejumlah RM88 juta untuk membeli 220 juta saham MMAG, sebuah syarikat penyedia pengurusan rantai bekalan bersepadu (untuk pegangan sebanyak 9.53%) pada harga 40 sen sesaham. Namun, harga saham tersebut merudum sebanyak 93.8% dan telah ditutup pada 2.5 sen Jumaat lalu (27 Mac).

NexG seterusnya membeli 32.61% pegangan dalam Classita Holdings pada Ogos 2025 dengan harga 15 sen setiap satu, bersama-sama dengan 414.31 juta waran pada harga antara 3.5 sen dan 4 sen setiap satu, dengan harga RM76.78 juta. Malangnya, harga saham pemaju hartanah ini juga telah jatuh menjunam kepada 2.5 sen setiap satu manakala harga warannya jatuh kepada satu sen.

Meskipun kerugian atas kertas namun jumlahnya yang besar telah menyaksikan satu mesyuarat khas lembaga pengarah diadakan pada 11 Mac 2026, berhubung dengan pelaburan NexG dalam MMAG dan NexG Bina. Walau bagaimanapun, Syarikat mengisytiharkan bahawa kebimbangan tersebut sebagai “isu yang telah pun diselesaikan”.

“Susulan peletakan jawatan tujuh pengarah..., Lembaga Pengarah membuat kesimpulan bahawa isu berkaitan dengan kerugian nilai saksama ini telah dibincangkan, disemak dan diterima oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Lembaga Pengarah pada mesyuarat masing-masing bagi menyemak laporan suku tahunan untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2025,” menurut Kumpulan dalam pemfailan Bursa Malaysia bertarikh 18 Mac 2026.

Maklumat yang terhad dan tiada penjelasan terperinci menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemegang saham, kerana nilai pelaburan lenyap begitu sahaja, selain harganya yang menjunam sekarang. Lagipun, pembelian saham ini telah menimbulkan keraguan sejak awal lagi kerana ia dilihat menyimpang daripada perniagaan utama NexG.

Risiko operasi dan tadbir urus

Pergolakan dalam lembaga pengarah sejak kebelakangan ini telah menimbulkan persoalan dalam kalangan pemegang saham tentang kestabilan syarikat serta keberkesanan mekanisme tadbir urusnya.

Pada masa yang sama, NexG turut menukar juruaudit luarnya dalam tempoh yang singkat, bermula dengan peletakan jawatan Baker Tilly, diikuti dengan keengganan SBY Partners untuk mengambil alih, sebelum PKF PLT akhirnya dilantik sebagai juruaudit Syarikat.

Selain itu, pergantungan yang tinggi kepada kontrak kerajaan (yang berkaitan dengan passport, ID kebangsaan, yang menyumbang hampir keseluruhan pendapatan syarikat) turut mengundang kebimbangan. Walaupun ia menyediakan pendapatan yang stabil, sebarang perubahan dasar atau kegagalan memperbaharui kontrak boleh memberi kesan yang besar kepada prestasi syarikat.

Lebih membimbangkan, NexG dan beberapa anak syarikatnya, termasuk NexG Bina, turut berdepan isu perundangan, termasuk pembekuan akaun bank syarikat oleh pihak berkuasa.

Menang jadi arang, kalah jadi abu

Perubahan ketara dalam lembaga pengarah ini berlaku sejeurus selepas NexG memperoleh kontrak awam bernilai hampir RM2.5 bilion pada bulan Ogos dan awal Oktober. Kontrak ini dijangka dapat menampung prestasi syarikat untuk tempoh enam tahun akan datang. Sebelum ini syarikat menjana pendapatan daripada lanjutan kontrak berjangka pendek sejak beberapa tahun yang lalu.

Namun, realitinya berbeza. NexG kini berdepan krisis yang semakin meruncing, ibarat terlepas dari mulut harimau, masuk pula ke mulut buaya. Harga saham syarikat ditutup pada 27 sen setakat 30 Mac, paras terendah sejak April 2025.

Kemelut yang bermula sebagai isu eksekutif korporat itu kini membabitkan pelbagai pihak, termasuk tokoh politik dan pihak berkuasa. Apabila semakin ramai pihak terlibat, keadaan menjadi semakin rumit, dengan pelbagai kenyataan dan tuduhan saling berbalas. Masing-masing mendakwa mereka teraniaya. Namun, hakikat yang sukar dinafikan, apabila gajah sama gajah berjuang, pemegang saham minoriti ibarat pelanduk yang terkorban di tengah-tengah.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.